



## KARYAWAN NEGERI SARAWAK



**ABDUL RASID BIN HAJI SUBET**

**L**ahir pada hari Selasa, 11 Julai 1972 bersamaan 29 Jamadilawal 1392 Hijrah, di Kampung Tabuan Haji Drahman, Kuching Sarawak. Mendapat pendidikan awal di SRB. St. Andrew, Sungai Apong (1979-1984), kemudian mendapat pendidikan menengah di SMK. Pending (1985-1989), seterusnya ke tingkatan enam di SMK. Dato Patinggi Haji Abdul Ghapor, Stampin (1990-1991).

Dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian Kelas Kedua (Kesusasteraan dan Sains Politik) dari Universiti Sains Malaysia (2002 -2006). Sebelum itu, beliau juga sempat mendapat pendidikan dari Universiti Kebangsaan Malaysia dalam bidang Sains Politik dan Psikologi (1997) dan Universiti Malaysia Sarawak dalam bidang Pengurusan Seni (1999) masing-masing selama satu semester.



## KARYAWAN NEGERI SARAWAK

Pernah menjadi guru gantian di SMK. Batu Kawa pada tahun 1992 dan kini menjawat jawatan Perancang Bahasa di Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak (DBPCS) (1993-kini). Di DBPCS beliau berpengalaman bertugas di beberapa unit seperti Unit Sastera, Unit Bahasa, Unit Pengembangan Sastera, Unit Perkamusan dan Peristilahan, Unit Penerbitan, Unit Pembangunan Karyawan, Unit Penyelidikan Sastera dan juga pernah dipindahkan ke Ibu Pejabat DBP Kuala Lumpur (2003-2006) di Bahagian Kesusasteraan Moden sebagai Editor Jurnal PERISA dan kini beliau bertugas sebagai Ketua Editor Unit Penerbitan, DBP Cawangan Sarawak.

Dalam bidang penulisan beliau menulis lirik lagu, puisi dan esei kritikan. Beliau pernah memenangi beberapa hadiah dalam bidang penulisan seperti dalam **Peraduan Mencipta Sajak Warga DBPCS (1999)**, **Pertandingan Mencipta Lirik sempena Bulan Bahasa dan Sastera Negara (2001)**, **Hadiah Penghargaan Penulis Sarawak – kategori Esei Kritikan (2007, 2008, 2009 dan 2012)**, **Hadiah Penghargaan Penulis Sarawak – kategori Puisi (2012)**, **Peraduan Menulis Puisi (2012)** dan **Hadiah Sastera Perdana Malaysia - Kategori Esei/kritikan/kajian sastera (eceran) (2013)**.

Puisi-puisi dan esei kritikan beliau pernah tersiar di akhbar ***Cermin Rakyat***, ruangan “Yang Indah Itu Bahasa” terbitan ***Utusan Borneo***, “Wadah Bahasa dan Sastera” terbitan ***Utusan Sarawak***, ***Buletin Jendela Sarawak*** dan akhbar nasional iaitu ***Berita Harian***. Selain daripada penerbitan di akhbar, puisi-puisi beliau juga pernah diterbitkan dalam antologi puisi ***Kota Asas Tamadun Bangsa*** (2002), ***Nyanyian Pulau-Pulau*** (2004), ***Jurnal PERISA*** (2004), ***Hari Pejuang Bahasa 152*** (2010) dan terkini esei kritikan



## **KARYAWAN NEGERI SARAWAK**

beliau juga dimuatkan dalam buku **Siri Kajian Pemikiran Sasterawan Negara S. Othman Kelantan** – bertajuk Meneliti *Perjudian* Melalui Formula “Konflik dan Penyelesaian” Menurut Model Bremond (2012). Di samping itu beliau juga merupakan penilai karya ruangan “Wadah Bahasa dan Sastera” kelolaan DBPCS dan Utusan Sarawak serta panel hakim bagi beberapa pertandingan yang dijalankan oleh DBPCS dan Jabatan Pelajaran dan jabatan-jabatan lain.

Antara persatuan dan kumpulan yang disertai oleh beliau ialah, Music Authors’ Copyright Protection (MACP), Traditional Cultural Expressions and Folklores (TCE/F) Negeri Sarawak, Koperasi Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia Berhad, Ahli Kumpulan Lagu Puisi 152, Ahli Kumpulan Kebudayaan Sri Nopeng.